# PARLIMEN MALAYSIA



**RANG UNDANG-UNDANG**

**Kesalahan – Kesalahan Kecil (Pindaan) 1982**

**DR.14/1982**

D. R. No. 14 82

**Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris**

# RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Ordinan Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

**1.** Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil (Pindaan) 1982. **Tajuk ringkas.**

**2.** Seksyen 29 Ordinan Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955 adalah dipinda dengan— **Pindaan seksyen 29.** *3/55.*

(*a*) menggantikan perkataan-perkataan "one thousand" dan "one year" bagi perkataan-perkataan "one hundred" dan "three months" dalam subseksyen (1) dan (3);

(*b*) menggantikan perkataan-perkataan "five thousand" dan "three years" bagi perkataan-perkataan "one thousand" dan "two years" dalam subseksyen (5).

---

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Ordinan Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955 yang bermaksud menambahkan penalti-penalti dalam subseksyen (1), (3) dan (5) seksyen 29. Seksyen ini adalah berkaitan dengan pemilikan barang-barang yang disyaki telah dicuri.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

**Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam** apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U2) 1129.]